BAB 1

Pengenalan

1.0 Pendahuluan

Catatan sejarah menunjukkan bahawa kebanyakan bangsa Arab sebelum kedatangan Islam atau pada zaman jahiliah kebanyakannya adalah penghuni padang sahara yang berpindah-randah dari satu tempat ke satu tempat dan sedikit sekali di kalangan mereka yang tinggal di bandar-bandar, sungguhpun demikian terdapat beberapa keistimewaan bangsa Arab jahiliah di antaranya keperihatinan mereka tentang syair-syair dan sajak-sajak yang boleh diistilahkan sekarang dengan kesusasteraan. Usaha yang mereka lakukan untuk mempertahan keutuhan kesusasteraan tersebut ialah dengan mengadakan persembahan sajak dan syair tahunan.

Setelah kedatangan al-Qur'an keadaan masyarakat Arab mengalami perubahan pesat dalam semua bidang kehidupan termasuk soal penggunaan bahasa dalam berkomunikasi, bahasa mereka yang kasar bertukar menjadi lembut, penuh dengan kesopanan dan ketatabahasaan. Kesusarteraan Arab mereka semakin mantap, efektif dan indah. Semua ini berlaku kerana dipengaruhi oleh uslūb penyampaian dan persembahan al-Qur'an.

Al-Qur'an bertanggungjawab menaikkan taraf bahasa Arab dan memper kemaskannya sehingga mampu menjadi bahasa ilmiah dan berpengaruh. Bahasa Arab juga semakin diminati apabila pengajaran al-Qur'an disebar luaskan, sehingga negara-negara yang dahulunya tidak menggunakan bahasa Arab telah menerima bahasa ini dan seterusnya menjadikan bahasa rasmi negara, seperti Iraq, Mesir, Tunisia dan sebagainya.

Bahasa Arab juga telah mempengaruhi sekurang-kurangnya empat bahasa *lingua franca* dunia iaitu bahasa Melayu, Urdu, Swahili dan Hausa.[1]

Kemurnian dan keindahan susunan al-Qur'an merupakan senjata penting bagi nabi Muhammad s.a.w dalam menghadapi dan menundukkan para ahli sasterawan Quraisy Makkah. Sungguhpun sasterawan Quraisy bijak bersyair dan bersajak tetapi mereka tidak berkemampuan menyusun seindah susunan ayat-ayat al-Qur'an. Hal ini adalah disebabkan oleh al-Qur'an lengkap dan sempurna dari segenap aspek yang merangkumi tatacara pengabdian diri kepada Allah, perhubungan sesama manusia dan mempunyai tatabahasa yang unik dan sistematik.

Sebahagian dari tatabahasa Arab yang wujud atau digunakan dalam struktur al-Qur'an ialah *uslūb al-Taukīd* (laras pengukuhan).

Uslūb al-Taukīd merupakan salah satu daripada topik penting dalam ilmu sintaksis bahasa Arab kerana pengungkapan berkait rapat dengan keadaan dan lingkungan pengujar, sebab ujaran yang baik dan sempurna hendaklah bersesuaian dengan persekitaran dan keadaan. Justeru itu dalam situasi tertentu pengujar perlu menggunakan uslūb pengukuhan supaya ujaran dapat memberi efek sepontan kepada pendengar.

---

1. M.A.J. Beg. 1980. Kuala Lumpur. Arabic Loan-Words in Malay : A Comparative Stady. University of Malaya Press, hlm 1.

1.1 Objektif kajian

Setiap orang yang mengakui dirinya seorang muslim sama ada dalam urusan duniawi dan ukhrawinya tidak terlepas dari landasan yang telah ditetapkan oleh al-Qur'an al-Karim dan Hadith nabi s.a.w, kerana kedua-dua sumber ini merupakan khazanah yang sangat berharga, tidak dapat ditukar gantikan dengan emas atau permata, didalamnya tersusun aturcara yang lengkap dan sempurna dalam mengendalikan urusan kehidupan, terdapat pengajaran yang sungguh berguna untuk dijadikan pegangan dan pedoman dalam menjalankan setiap aktiviti-aktiviti harian.

Penulis memilih tajuk "*Uslūb al-Taukīd dalam al-Qur'an: Satu Analisis Dalam Surah al-Baqarah*" kerana didorong oleh faktor-faktor berikut :

(a). Mengenal al-Qur'an

Al-Qur'an ialah sebuah kitab yang amat penting dalam kehidupan manusia kerana ia dapat membimbing mereka ke jalan yang selamat dan sejahtera, seperti firman Allah s.w.t :

يَهْدِي بِهِ اللَّهُ مَنِ اتَّبَعَ رِضْوَانَهُ سُبُلَ السَّلَامِ وَيُخْرِجُهُمْ
مِنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ بِإِذْنِهِ وَيَهْدِيهِمْ إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ

Maksudnya : Dengan (al-Qur'an) itu Allah menunjukkan jalan keselamatan serta kesejahteraan kepada sesiapa yang mengikut

(kufur) kepada cahaya (iman) yang terang-benderang dengan izinnya, dan (dengannya juga) Allah menunjukkan mereka ke jalan yang betul lurus".[1]

Ayat ini adalah satu isyarat yang jelas bahawa untuk memperolehi keselamatan, kedamaian dan kesejahteraan di dunia dan akhirat manusia harus menjadikan al-Qur'an sebagai panduan kerana al-Qur'an dapat membimbing orang-orang yang mengamalkan isi kandungannya ke jalan yang selamat dan sejahtera.

Untuk merealisasikan al-Qur'an dalam kehidupan terlebih dahulu haruslah mengenalinya dari segenap aspek termasuklah tentang persembahan bahasa dan tatabahasanya, seperti penggunaan uslūb taukīd (laras pengukuhan), kerana Abū Bakar r.a dan ᶜUmar r.a pernah berkata :

لَبَعْضُ إِعْرَابِ الْقُرْآنِ أَحَبُّ إِلَيْنَا مِنْ حِفْظِ حُرُوفِهِ

Maksudnya : " Sesungguhnya mengiᶜrab sebahagian daripada al-Qur'an adalah lebih kami sukai daripada menghafal ayatnya.[2]

Ibnu Masᶜūd juga pernah berkata :

جَوِّدُوا الْقُرْآنَ وَزَيِّنُوهُ بِأَحْسَنِ الْأَصْوَاتِ وَأَعْرِبُوهُ فَإِنَّهُ عَرَبِيٌّ
وَاللهُ يُحِبُّ أَنْ يُعْرَبَ بِهِ

---

1. Surah al-Māidat 5: 16
2. Abū ᶜAbdillah Muhammad bin Ahmad al-Anṣāriyy. al-Qurṭubiyy, 1952. Bairut : Al-Jāmiᶜ li Aḥkām al- Qur'an. Dār al-Qalam. Juz 1, hlm 19

Maksudnya : " Bacakanlah al-Qur'an dengan bertajuwid, hiasi bacaanmu dengan suara yang baik dan I^{c}rābkanlah dia (al-Qur'an), maka sesungguhnya (al-Qur'an) adalah bahasa Arab dan Allah suka bahawa dia (al-Qur'an) itu dii^{c}rābkan.[1]

Dari athar (أثر) di atas menunjukkan betapa pentingnya al-Qur'an itu dikenali dan didalami supaya dapat diketahui isi kandungannya. Di antara cara untuk mengenali al-Qur'an ialah melalui i^{c}rāb (fleksi) kerana setelah mengenali fleksi atau i^{c}rāb, al-Qur'an akan mudah difahami makna dan maksud tujuannya.

(b). Kesempurnaan al-Qur'an

Kajian ini untuk menyingkap kesempurnaan al-Qur'an dan membuktikan keistimewaannya dilihat dari sudut pengukuhan (taukīd). Disamping itu kajian ini juga akan dapat membantu untuk menutup ruang bagi orang-orang yang anti al-Qur'an kerana mereka senantiasa mencari kelemahan-kelemahan al-Qur'an, tujuan mereka ialah untuk memusnahkan kepercayaan umat Islam terhadap agama Islam melalui propaganda buruk tentang isi kandungan al-Qur'an.

Guladstun (bekas Perdana Menteri Britain) pernah menegaskan bahawa : " Usaha Eropah untuk menguasai Timur Tengah tidak akan berjaya

---

1. Abū ^{c}Abdillah Muhammad bin Ahmad al-Qurṭubiyy, 1952. Bairut : Al-Jāmi^{c} li Aḥkām al-Qur'an. Dār al-Qalam. Juz 1, hlm 19

selagi umat Islam masih berpegang teguh dengan al-Qur'an, dan negara-negara Eropah sendiri tidak akan selamat". [1]

Ungkapan ini menunjukkan kesempurnaan isi kandungan al-Qur'an akan dapat mempengaruhi manusia di segenap pelosok dunia, dan perkara inilah yang dibimbangi oleh musuh-musuh Islam.

(c). Keistimewaan uslūb al-Qur'an

Disertasi ini akan mendedahkan uslub pengukuhan dalam surah al-Baqarah. Pendedahan ini nanti akan dapat dilihat sitil pengukuhan secara terperinci yang disertakan dengan contoh-contoh dari ayat-ayat al-Qur'an yang terdapat dalam surah al-Baqarah. Penjelasan sitil pengukuhan ini juga akan memperlihatkan keistimewaan uslūb al-Qur'an serta keindahan bahasanya, kerana dalam pemerhatian penulis, jika bahasa-bahasa lain apabila satu ayat diimbuh dengan beberapa partikel pengukuhan, ayat tersebut akan hilang kualiti kesusasteraan dan tidak akan ada insan yang sudi menggunakannya, tetapi berlainan dengan ayat al-Qur'an walaupun diimbuh dengan beberapa partikel pengukuhan, ayatnya masih tetap indah dan mudah diujarkan, seperti firman Allah s.w.t :

إِنَّكَ أَنْتَ التَّوَّابُ الرَّحِيمُ

Maksudnya : " Sesungguhnya engkaulah yang amat menerima taubat, lagi amat mengasihani".[1]

---

1. Jalāl al-ʿĀlam, 1984. Bairut : Dammirū al-Islam Abīdū ahlah. Muassasat al-Risālat, hlm 50
2. Surah al-Baqarah 2 : 128

Ayat ini diimbuhkan dengan tiga partikel pengukuhan iaitu inna (إِنَّ), ḍamīr al-Faṣl (ضَمِيرُ الْفَصْلِ) iaitu (أَنْتَ)dan sīghat al-Mubālaghat (صِيغَةُ الْمُبَالَغَةِ) iaitu perkataan (التَّوَّابُ). Pengimbuhan dengan beberapa partikel ini tidak sedikit pun mendatangkan kesukaran kepada pengujar untuk mengujarkannya.

(d). Model bahasa Arab

Hasil kajian ini juga diharap akan dapat membantu pencinta bahasa Arab dalam penggunaan uslūb taukīd kerana sebagaimana yang telah dimaklumi bahawa masyarakat Arab terdiri dari pelbagai lahjat (dialek), dan bahasa Arab basahan mereka pula banyak yang tidak mengikut tatabahasa Arab yang betul tetapi kesemuanya masih dianggap bahasa Arab. Maka kajian ini boleh dijadikan model dalam penstrukturan bahasa Arab yang baik khususnya yang berkaitan dengan pengukuhan.

1.2 Batas kajian

Uslūb taukīd satu istilah yang tidak asing bagi para ahli linguistik Arab, disamping ia sebahagian dari laras-laras bahasa Arab dan pada satu ketika uslūb pengukuhan sangat diperlukan dalam berintraksi.

Uslūb taukīd dibahas dalam dua bidang ilmu yang berlainan iaitu dalam ilmu retorik dan sintaksis (nahu). Ahli dari dua aliran ini mengemukakan uslūb taukīd mengikut fahaman dan definisi mereka masing-masing, oleh

kerana itu adakala mereka bersependapat tentang ayat-ayat taukīd dan dalam keadaan yang lain mereka berlainan pandangan, seperti firman Allah s.w.t :

وَيْلٌ يَوْمَئِذٍ لِلْمُكَذِّبِينَ

Maksudnya : " Kecelakaan besarlah pada hari itu bagi orang-orang yang mendustakan (kekuasaan kami)".[1]

Ayat ini diulang-ulang beberapa kali dalam keadaan bentuk fizikal yang sama. Ahli retorik mengkategorikan pengulangan ayat ini sebagai taukīd kerana pengulangan seperti ini boleh menambah rasa gerun dan takut.[2] Para ahli sintaksis pula berpendapat bahawa susunan ayat seperti ini tidak boleh digolongkan dalam uslūb taukīd kerana tunjukan makna setiap ayat berlainan walaupun bentuk fizikalnya sama.

Begitu juga perkataan umum yang terdapat selepas perkataan khusus (ذِكْرُ الْعَامِ بَعْدَ الْخَاصِ), seperti yang selalu dibaca sewaktu berdoa :

رَبِّ اغْفِرْلِي وَلِوَالِدَيَّ وَلِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ

Maksudnya: "Wahai tuhanku! Ampunilah dosaku, dosa kedua ibu bapaku dan dosa orang-orang Islam lelaki dan perempuan".

Perkataan (الْمُسْلِمِينَ) dan (الْمُسْلِمَاتِ) adalah kata umum, di dalamnya termasuk orang yang berdoa dan kedua orang tuanya. Ahli retorik menjelaskan

---

1. Surah al-Mursalāt 77 : 15
2. Muhyi al-Din Darwisy, 1998. Damsyiq : I'rāb al-Qur'an al-Karīm. Al-Yamāmat, Juz 10, hlm 335.

kedua-dua perkataan ini bertujuan untuk pengukuhan (taukīd), tetapi bagi ahli nahu uslūb seperti ini dibincangkan dalam bab ᶜaṭf (عطف).

Kedua aliran ini (ahli retorik dan sintaksis) terdapat persamaan pendapat dalam beberapa uslūb taukīd tertentu, seperti pengulangan lafaz yang sama makna, ayat yang diimbuh dengan partikel taukīd dan sebagainya. Jika seseorang berkata :

هُوَ هُوَ طَيَّارٌ

(Dia juruterbang)

Dalam ayat ini terdapat dua perkataan yang sama bentuk fizikal dan makna iaitu perkataan (هُوَ). Ahli retorik dan ahli nahu bersependapat bahawa perkataan (هُوَ) yang kedua adalah untuk tujuan pengukuhan (taukīd), dengan kata lain kedua-dua aliran ini bersetuju mengkategorikan ayat di atas sebagai uslūb taukīd.[1]

Ruang cakup kajian ini hanya akan berfokus kepada *uslūb taukīd dalam surah al-Baqarah dari sudut pandangan ahli sintaksis sahaja.* Pendapat ahli retorik dikemukakan sekadar memberi perbezaan, memperkuatkan hujah atau sebagai maklumat tambahan .

1.3 Metodologi kajian

Hasil sesuatu karya akan lebih bermutu atau bernilai jika sistem

1. Lihat dalam pengulangan lafaz nanti

pengelolaan karya itu kemas, teratur dan mempunyai dasar yang jelas serta konkrit. Realiti ini memang tidak dapat dinafikan kerana sudah lumrah yang berlaku di alam buana ini bahawa metode yang baik dan sistematik akan lahirlah hasil yang berkualiti dan berharga.

Berdasarkan kepada faktor-faktor di atas, maka dalam menggarap dan menyiapkan disertasi ini, penulis menggunakan metode keperpustakaan, kerana pengkaji berpendapat bahawa metode ini adalah yang paling sesuai untuk merealisasikan objektif disertasi ini, sebab kajian uslūb taukīd dalam surah al-Baqarah memerlukan kepada kitab-kitab turāth seperi kitab-kitab nahu, kitab-kitab tafsir al-Qur'an dan sebagainya.

Dapatan-dapatan yang terhasil dalam disertasi ini sebahagian besarnya adalah natijah rujukan dari kitab-kitab turath (أُمَّهَاتُ الْكُتُبِ) dan selainnya hasil perbincangan dengan rakan-rakan.

Perlu juga dijelaskan bahawa terjemahan ayat-ayat al-Qur'an dalam disertasi ini, berpandu sepenuhnya kepada Tafsir Pimpinan al-Rahman.[1]

1.4 Transliterasi

Pengubahsuaian atau peminjaman bahasa berlaku dalam semua bahasa

---

. ʿAbdullah bin Muhammad Basamih, 1996. Kuala Lumpur : Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an. Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.

terutama bagi bahasa-bahasa yang belum begitu mantap dan lengkap tentang peristilahan atau perlu kepada istilah yang lebih ringkas tetapi tepat

Banyak faktor yang mendorong kepada peminjaman bahasa atau penyerapan bahasa lain kedalam bahasa ibunda, di antaranya kerana kekurangan istilah, urusan perdagangan, penjajahan, pendidikan, ideologi keagamaan dan sebagainya. Bahasa Melayu di antara bahasa yang banyak meminjam istilah bahasa lain untuk diserapkan sebagai bahasa rasmi, kebanyakan istilah tersebut dipinjam dari bahasa Arab dan Inggeris.

Dalam menyiapkan disertasi ini penulis yakin akan menemui beberapa istilah Arab yang tidak terdapat dalam bahasa Melayu atau istilah Arab itu perlu dikekalkan kerana faktor tertentu tetapi ditulis dalam ejaan rumi. Maka transliterasi yang akan digunakan dalam pengalihan ejaan ini nanti adalah berdasarkan kepada transliterasi yang telah diperakui oleh Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai mana berikut :

(a). Sistem konsonan

Lambang-lambang huruf Arab yang dialihkan kepada ejaan rumi dalam sistem konsonan yang telah diterimapakai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka adalah seperti berikut :

Huruf Arab	Huruf Rumi	Huruf Arab	Huruf Rumi
ا	a	ط	ṭ
ب	b	ظ	ẓ
ت	t	ع	c
ث	th	غ	gh
ج	j	ف	f
ح	ḥ	ق	q
خ	kh	ك	k
د	d	ل	l
ذ	dh	م	m
ر	r	ن	n
ز	z	و	w
س	s	ه	h
ش	sy	ء	'
ص	ṣ	ة	ṯ
ض	ḍ	ى	y

(b). Sistem vokal

Dalam bahasa Arab terdapat dua jenis huruf vokal iaitu vokal pendek dan vokal panjang. Vokal pendek ialah apabila huruf alīf (ا) berbaris di atas waw (و) berbaris di hadapan dan yā' (ى) berbaris di bawah. Vokal panjang, ialah

apabila terdapat sebelum huruf alīf (ا) berbaris di atas, sebelum waw (و) berbaris di hadapan dan sebelum yā' (ى) berbaris di bawah.

(c). Sistem diftong

Dalam bahasa Arab terdapat dua fonem diftong iaitu huruf yā' (ى) dan waw (و) yang berbaris sukūn (mati).

Vokal pendek	Vokal panjang	Diftong
A ـَ	a ا ـَ	ay أى ـَْ
i ـِ	i ى ـِ	aw أو ـَْ
u ـُ	u و ـُ	